

## FAQ GERAN PERKAKASAN ICT UiTM

Bil	Soalan	Jawapan
1	Apakah Perkakasan ICT yang terlibat?	<p>a. Komputer Riba</p> <p>b. Komputer Tablet</p> <p>Termasuk aksesori seperti <i>Stylus Pen, Mouse, Keyboard &amp; Extended Warranty SAHAJA.</i></p>
2	Bagaimana untuk membuat Permohonan Pembelian Perkakasan ICT Secara Geran?	<p>Melalui sistem <b>University IT Services (Units)</b></p> <p><a href="https://units.uitm.edu.my">https://units.uitm.edu.my</a></p>
3	Bagaimanakah proses permohonan pembelian perkakasan ICT secara geran dilakukan?	<p>i. Permohonan pembelian perkakasan ICT secara geran dibuat melalui dalam talian. <b><u>KELULUSAN KETUA PTJ HENDAKLAH DIPEROLEHI SEBELUM PEMBELIAN DIBUAT.</u></b></p> <p>ii. Pemohon <b>hendaklah</b> membuat <b>pembelian dan tuntutan</b> dalam <b>tempoh tiga (3) bulan</b> dari tarikh kelulusan permohonan geran oleh Ketua PTJ.</p> <p>iii. <b>Pembelian yang dibuat SEBELUM</b> kelulusan Ketua PTJ tidak dibenarkan dan tuntutan tidak akan dibayar.</p> <p>iv. <b>Pembelian dan tuntutan yang dibuat SELEPAS</b> tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan Ketua PTJ tidak dibenarkan dan tidak akan dibayar.</p> <p>Carta Alir permohonan adalah seperti di <b>Lampiran A.</b></p>
4	Berapa jumlah pemberian geran yang diberikan oleh pihak UiTM?	<p>i. Jumlah maksimum nilai pemberian geran adalah sebanyak <b>RM 2,300.00</b> diberi kepada setiap staf yang layak.</p> <p>ii. Geran sebanyak <b>RM2,300</b> ini <b>diberi mulai 01 Mac 2025</b> dari tarikh permohonan. (Rujuk Garis Panduan Geran Perkakasan ICT Staf Universiti Teknologi MARA (UiTM))</p> <p>iii. Bagi mana-mana <b>permohonan yang dibuat sebelum 01 Mac 2025</b> akan dibayar maksimum</p>

Bil	Soalan	Jawapan
		<p><b>RM2,000.</b> (Rujuk Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT Bil. 05/2020)</p> <p>iv. Pemberian geran bagi staf yang akan bersara adalah mengikut baki tempoh perkhidmatan.</p>
5	Bagaimana sekiranya harga Perkakasan ICT yang diperolehi melebihi harga geran?	Staf perlu <b>menampung sendiri</b> jumlah yang melebihi daripada jumlah geran yang diperuntukkan.
6	Di mana pembelian Perkakasan ICT secara geran ini boleh dibuat?	Pembelian Perkakasan ICT secara geran boleh dibuat dari mana-mana pembekal komputer (termasuk secara dalam talian).
7	Berapa lamakah tempoh geran?	<p>i. Tempoh geran adalah selama 5 tahun.</p> <p>ii. Tempoh geran bermula dari tarikh kelulusan tuntutan geran.</p>
8	Berapakah jumlah geran yang akan dibayar bagi staf yang tidak cukup tempoh perkhidmatan dengan tempoh geran?	<p>i. Jumlah geran yang dibayar adalah untuk tempoh 5 tahun.</p> <p>ii. Jumlah geran bagi baki tempoh perkhidmatan staf yang kurang dari 5 tahun akan dibayar secara pro-rata.</p>
9	Bilakah staf boleh memohon semula geran tersebut?	Selepas tamat tempoh geran lima (5) tahun yang sedang berkuatkuasa.
10	Bagaimana tuntutan pembelian boleh dibuat?	<p>i. Tuntutan pembelian boleh dibuat dengan memasukkan maklumat pembelian dan memuatnaik resit / bukti bayaran di <b>Sistem UNITS</b>.</p> <p>ii. <b>Bukti pembelian (resit) perlu DISAHKAN</b> oleh <b>Ketua PTJ (Pelulus Permohonan Geran)</b> sebelum dimuat naik. (Contoh : <i>Cash Sale</i>, Resit, Penyata Bank dll.)</p>

Bil	Soalan	Jawapan
11	Bagaimanakah tuntutan dan pengiraan bayaran balik oleh UiTM akan dikenakan kepada penerima Geran Perkakasan ICT?	<p><b>Tuntutan bayaran balik</b> oleh UiTM akan dikenakan kepada penerima Geran Perkakasan ICT bagi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Staf akan bersara atau memilih untuk bersara awal dari tempoh perkhidmatan; atau</b></li> <li>ii. <b>Staf yang memilih untuk berhenti kerja secara sukarela; atau</b></li> <li>iii. <b>Staf yang diberhentikan kerja.</b></li> </ul>
12	Siapa staf yang layak untuk memohon Geran Perkakasan ICT?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Staf Akademik;</li> <li>ii. Staf pentadbiran - kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&amp;P); dan</li> <li>iii. Staf Pentadbiran – kumpulan Pelaksana (Gred 5 – 8).</li> </ul>
13	Apakah terma dan syarat untuk <b>Staf Akademik</b> dan Staf pentadbiran Kumpulan <b>Pengurusan dan Profesional (P&amp;P)</b> memohon geran tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Gred 9 dan ke atas;</li> <li>ii. SAH jawatan.</li> <li>iii. Telah mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ.</li> </ul> <p>Nota : Bagi permohonan pertama kali, staf terlibat hanya boleh membuat permohonan sekiranya :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Komputer sewa sedia ada boleh diagihkan; atau</li> <li>b. Mempunyai baki tiga (3) bulan daripada tempoh tamat komputer sewaan.</li> </ul>
14	Apakah terma dan syarat untuk <b>Kumpulan Pelaksana Gred 5-8</b> bagi memohon geran tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Gred 5 hingga Gred 8;</li> <li>ii. SAH jawatan.</li> <li>iii. Telah mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ.</li> </ul> <p>Nota :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi permohonan pertama kali, staf terlibat hanya boleh membuat permohonan sekiranya :</li> </ul>

Bil	Soalan	Jawapan
		<p>a. Komputer sewa sedia ada boleh diagihkan; atau</p> <p>b. Mempunyai baki tiga (3) bulan daripada tempoh tamat komputer sewaan.</p> <p>2. <b>TIADA KEMUDAHAN KOMPUTER SEWAAN diberi sepanjang tempoh perkhidmatan sekiranya staf kumpulan pelaksana mengambil geran.</b></p>
15	Adakah pemohon yang akan atau sedang cuti belajar layak untuk memohon geran tersebut?	<b>YA</b> dengan mematuhi terma dan syarat <b>Bil 12,13 dan 14</b>
16	Siapa yang akan membuat pemasangan / penyelenggaraan perisian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran pada Perkakasan ICT?	Pemasangan / penyelenggaraan perisian dalam perkakasan ICT adalah tanggungjawab staf <b>KECUALI</b> pemasangan perisian UiTM sahaja (akan dilakukan oleh Bahagian ICT di kampus atau PTJ masing-masing).
17	Apakah perisian yang disediakan oleh UiTM untuk kegunaan Geran Perkakasan ICT?	UiTM ada menyediakan perisian seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perisian Microsoft 365 (permohonan di <a href="https://units.uitm.edu.my">https://units.uitm.edu.my</a>)</li> <li>ii. Lain – lain perisian yang dibenarkan (rujuk bahagian ICT di kampus atau PTJ masing-masing).</li> </ul>
18	Siapakah pemilik penuh Perkakasan ICT tersebut ?	Perkakasan adalah milik penuh staf tersebut.
19	Siapakah yang bertanggung jawab sekiranya berlaku kehilangan / kerosakan Perkakasan ICT ?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Staf adalah bertanggungjawab sepenuhnya</b> sekiranya berlaku kehilangan/ kerosakan.</li> <li>ii. Tiada pemberian / permohonan geran akan diberikan bagi menggantikan perkakasan ICT</li> </ul>

Bil	Soalan	Jawapan
		<p>yang hilang/ rosak dalam tempoh lima (5) tahun geran berkuatkuasa.</p> <p>iii. Staf dinasihatkan mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya bagi memastikan keselamatan Perkakasan ICT tersebut.</p>
20	Siapa yang akan membuat kerja penyelenggaraan dan pembaikan Geran Perkakasan ICT tersebut?	<p>i. Penyelenggaraan dan pembaikan yang <b>MELIBATKAN KOS BAIKPULIH</b> adalah dibawah tanggungjawab staf <b>TANPA</b> melibatkan pengurusan ICT UiTM.</p> <p>ii. Bantuan teknikal yang <b>TIDAK MELIBATKAN KOS BAIKPULIH</b> boleh dimajukan ke Bahagian ICT di kampus atau PTJ masing-masing.</p>
21	Dimanakah aduan / pertanyaan / maklum balas boleh dibuat?	<p>i. <i>ICT Liaison Officer (ILO)</i> PTJ masing-masing.</p> <p><u>Senarai ILO</u></p> <p>ii. Aduan ICT UiTM - <a href="https://units.uitm.edu.my/">https://units.uitm.edu.my/</a></p> <p>iii. Meja bantuan ICT UiTM - 03 5544 2203</p> <p>iv. Pertanyaan tuntutan bayaran Geran Perkakasan ICT :</p> <p><b>Unit Kewangan Zon 6 (UKZ6), Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam Tel no. : 03-55443391</b></p>
22	Carta Alir Permohonan Pembelian Perkakasan ICT Secara Geran menggunakan sistem University IT Services (UnITS) - Lampiran A	<p><a href="#">Klik di sini</a></p>